



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	MINGGUAN MALAYSIA			
TARIKH	:	5/9/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	KeTSA			

Mingguan Msiq 5/9/2021 n/s 2

Hutan tiada nilai di mata pemerintah?

HUTAN di negara kita sering menjadi mangsa kerakusan pembangunan seolah-olah ia langsung tidak ada nilai pada mata pemerintah. Apabila berlaku pertikaian antara hutan dan pembangunan, maka selalunya hutan yang menjadi korban.

Sebab itu ada sahaja kes kawasan yang telah diwartakan sebagai hutan simpan ditarik balik bagi memberi laluan kepada projek pembangunan. Boleh dikatakan hampir di semua negeri masalah yang sama berlaku. Setiap tahun ada saja isu hutan simpan mahu dinyahwartakan atau isu yang berkaitan dengan pembangunan di kawasan alam semula jadi itu.

Ya seolah-olah memberi gambaran bahawa kawasan hutan ini langsung tidak ada nilai pada mata pemerintah kita. Di sesetengah negeri ada hutan yang ditebang hingga menghampiri kawasan tadahan hujan. Ada jeram dan air terjun di kawasan rimba rekreasi kekeringan hanya tinggal batu ekor kawasan tadahan hujan yang dahulunya dikenali sebagai hutan simpan sudah diteroka atas nama pembangunan.

Isu terbaharu membabitkan hutan simpan ialah apabila kerajaan negeri Selangor merancang membangunkan sebahagian kawasan Hutan Simpan Kuala Langat (HSKL) Selatan sebagai lokasi tapak pertanian termasuk menyahwartakan ia sebagai hutan simpan.

Namun hasrat itu mungkin terbantut ekoran bantahan daripada pelbagai pihak termasuk komuniti Orang Asli di situ yang sebelum ini dipindahkan daripada tapak Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Ketika membuat keputusan menyahwartakan itu mungkin kerajaan negeri tidak sedar akan khazanah tidak ternilai yang terdapat dalam hutan itu.

Andai kata kawasan hutan itu dimajukan di mana lagi kita hendak cari spesies haiwan unik yang menghuni kawasan itu seperti beruang matahari, tupai terbang dan ikan laga langat merah (*Betta Livida*) yang dikatakan hanya terdapat di kawasan berkenaan.

Begitu juga dengan spesies tumbuhan terancam seperti kempas, petaling dan meranti selain ia menjadi tempat bermastautinya komuniti Orang Asli dari Suku Temuan. Semua ini adalah khazanah yang amat tinggi nilainya kepada negara yang perlu dipelihara selain pekekal kawasan hutan itu akan membantu menyeimbangkan ekosistem di Lembah Klang.

Ada negeri memberi alasan terpaksa meneroka hutan-hutan ini terutama bagi tujuan pembalakan kerana itu adalah pendapatan untuk kerajaan. Jika tuntutan komersial yang menjadi alasan, kenapa tidak dipopularkan kawasan hutan itu hingga menjadi tumpuan pelancong dari serata dunia yang pasti memberikan pulangan kewangan yang lumayan untuk jangka panjang tanpa mengorban alam semula jadi kita. Kalau kita boleh popularkan Taman Negara, Royal Belum, Endau Rompin, Maliau Basin, Lembah Danum, Gunung Mulu dan sebagainya, kenapa hutan lain tidak boleh? Hutan aset negara yang sangat berharga. Jika ditebang hari ini, tidak mungkin mampu diganti walaupun dengan janji dan kempen kerajaan untuk menanam sejuta pokok. Setakat ini ia belum menjadi.

Aznar Bakar adalah Pengarang Utusan Malaysia dan Mingguan Malaysia.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia